

22 FEB 2003

NAM-Jenin/I

BANDARAYA JENIN MAHU NAM BANTU HENTIKAN KEGANASAN ISRAEL

PUTRAJAYA, 22 Feb (Bernama) -- Bandaraya Jenin, yang mempunyai sejarah kewujudan lebih 4,000 tahun lalu, mahu Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) yang mengadakan sidang kemuncak ke-13nya di Kuala Lumpur, mendesak Israel supaya berundur daripada wilayah yang didudukinya di Palestin.

Bandaraya itu, didiami lebih 50,000 rakyat Palestin, juga mahu masyarakat antarabangsa membantu menghentikan pembunuhan beramai-ramai penduduk Palestin oleh tentera Israel dan memastikan semua resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang diluluskan sebelum ini, dikuatkuasakan.

Datuk Bandar Jenin Walid Musa Abu Mowes berkata bandaraya itu telah menyaksikan terlalu banyak pembunuhan, terutama kanak-kanak serta wanita dan sejak April lepas diceroboi setiap hari oleh tentera Israel.

"Rumah-rumah dirobohkan, penduduk dibunuh setiap hari oleh tentera Israel yang berkata Jenin melahirkan pengganas. Ia tidak benar sama sekali. Bandaraya itu kini dikepung," katanya kepada pemberita selepas mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabat Perdana Menteri di sini hari ini.

Beliau berkata buat masa ini 5,000 rumah telah dirobohkan di bandaraya Jenin sementara 13,000 rakyat Palestin dipenjarakan dengan 2,030 daripada mereka penduduk Jenin.

Beliau berkata tentera Israel juga telah memusnahkan infrastruktur bandaraya itu, penduduknya hidup tanpa kemudahan kebersihan, air dan elektrik.

"Pengangguran di Jenin kini di tahap 70 peratus, semua kemudahan perkhidmatan kami dan bangunan dimusnahkan. Balai polis, penjara dan semua bangunan rasmi turut hancur," kata Walid Musa.

Beliau berkata kereta kebal Israel merempuh sekolah-sekolah tanpa mempedulikan kanak-kanak dalam kawasan itu dan baru-baru ini seorang kanak-kanak perempuan sembilan tahun mati digelek kereta kebal.

Bandaraya itu mempunyai sebuah hospital dan itu juga telah dimusnahkan dan memaksa penduduk mendapatkan bantuan perubatan di wilayah lain.

"Tetapi ini juga menjadi masalah kerana Israel mendirikan pusat pemeriksaan di setiap tempat dan ia mengambil masa lebih daripada enam hingga tujuh jam untuk sampai ke satu-satu tempat yang hanya lima kilometer jauhnya. Saya mengambil masa tiga hari untuk sampai di sini. Dari Jenin ke sempadan Jordan, saya mengambil masa 14 jam melalui jarak yang tidak jauh dan 10 jam untuk datang ke Kuala Lumpur," katanya.

Ditanya mengenai rancangan Amerika Syarikat menyerang Iraq, Walid Musa berkata Perdana Menteri Israel Ariel Sharon mungkin mengambil kesempatan itu untuk menyerang habis-habisan rakyat Palestin dan menghapuskan mereka.

"Jika berlaku perang di Iraq, Sharon akan melakukan apa jua yang dia mahu. Kami mungkin dibunuh atau diusir secara paksa," katanya.

Beliau berkata masyarakat antarabangsa patut mencari satu resolusi damai terhadap krisis itu dan menghentikan keganasan Israel. "Kami perlu meneruskan kehidupan, itu saja yang kami boleh lakukan. Kami meminta pencinta damai di seluruh dunia supaya mempertahankan kami."

Ditanya mengenai pertemuan selama 30 minit dengan Dr Mahathir, Walid Musa berkata beliau menyatakan penghargaan rakyat Palestin kepada Perdana Menteri dan beliau telah berjanji untuk memberikan lebih bantuan kepada rakyat Palestin.

Walid Musa berkata kerajaan Malaysia telah bersetuju untuk menambah

bantuan sebanyak US\$50,000 (RM190,000) yang sepatutnya diberikannya untuk membina dua buah sekolah, kepada US\$1 juta (RM3.8 juta).

Katanya Dr Mahathir juga telah berjanji untuk memberikan lebih sokongan kepada rakyat Palestin dalam menamatkan konflik itu.

-- BERNAMA

SR MFJ RON